

**BAHAGIAN A** Soalan Objektif

**Praktis 1**

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Marfologi (Aran R)

1 "Segala titah tuanku akan \_\_\_\_\_ dilaksanakan dengan segeranya," sembah Hang Tuah kepada Sultan Mansur Shah.

- A saya
- B beta
- C patik
- D hamba

2 Tangan Kak Najlah berbau \_\_\_\_\_ selepas dia menyangi ikan keli.

- A hapak
- B hanyir
- C hamis
- D hangat



3 Wafi \_\_\_\_\_ datuknya yang kurang sihat itu ke bilik air.

- A menarik
- B memapah
- C memegang
- D mengusung

4 \_\_\_\_\_ roda basikal Kishen sudah berkarat.

- A Jejari
- B Sesiku
- C Tetupai
- D Lelangit

5 \_\_\_\_\_ orang lebih suka bekerja sendiri daripada bekerja makan gaji.

- A Setiap
- B Semua
- C Beberapa
- D Seseengah

6 Cuaca di perkampungan nelayan itu pada waktu malam sejuk \_\_\_\_\_.

- A agak
- B benar
- C terlalu
- D paling

7 Burung helang itu terbang rendah lalu hinggap di \_\_\_\_\_ sebatang dahan.

- A atas
- B bawah
- C hadapan
- D belakang

8 Hakisan yang teruk \_\_\_\_\_ penduduk yang tinggal di kawasan itu berpindah ke tempat lain.

- A meminta
- B menyuruh
- C memaksa
- D mengajak




9 Kami duduk di dalam pondok \_\_\_\_\_ itu sementara menunggu hujan teduh.

- A luas
- B lebar
- C besar
- D kecil

10 Banyak sungguh \_\_\_\_\_ di dalam longkang itu.  
A lelabah  
B lelabu  
C jejentik  
D pepijat

11 Harga rumah yang \_\_\_\_\_ tinggi menyukarkan golongan muda di negara ini untuk memiliki rumah sendiri.  
A terlalu  
B sekali  
C betul  
D nian



Lalat \_\_\_\_\_ bangkai tikus di tepi longkang itu.  
A mendekati  
B mengekori  
C mengerumuni  
D menyelubungi

13 Sofea dan Su Ying berkenalan semasa \_\_\_\_\_ menyertai aktiviti Kem Bina Jati Diri di Kuantan.  
A kita                      C kalian  
B kami                      D mereka

14 Air mata Puan Maisarah \_\_\_\_\_ tatkala melihat keadaan anak yatim piatu itu.  
A berdikit-dikit  
B berderet-deret  
C berderai-derai  
D berduyun-duyun

15 Pemuda itu menggunakan sebuah \_\_\_\_\_ untuk meratakan tanah kepunyaan Haji Malik.  
A kugiran                      C debunga  
B jentolak                      D pawagam

16 Sudah hampir \_\_\_\_\_ jam Zarul menunggu kawan baiknya di perhentian bas itu.  
A seluruh  
B sesuatu  
C setiap  
D suku

17 Budak lelaki itu bercakap \_\_\_\_\_ kerana ketakutan.  
A terkial-kial  
B terburu-buru  
C tergagap-gagap  
D terhendap-hendap

18 Alangkah \_\_\_\_\_ Husna apabila berjaya memenangi pertandingan pidato peringkat daerah.  
A malunya  
B sedihnya  
C takutnya  
D gembiranya

19 Budak yang lemas di sungai itu \_\_\_\_\_ tidak dapat diselamatkan jika lambat dibawa ke hospital.  
A mungkin  
B perlu  
C mesti  
D dapat

20 Kereta yang dipandu dengan \_\_\_\_\_ itu terbabas lalu melanggar pembahagi jalan.  
A lajunya  
B kuatnya  
C cepatnya  
D hebatnya

21 Pertandingan pakaian beragam itu terbuka kepada golongan kanak-kanak \_\_\_\_\_.  
A memang  
B sahaja  
C cuma  
D lagi

22 Khalish \_\_\_\_\_ kakinya kerana gatal.  
A melihat-lihat  
B memicit-micit  
C menggaru-garu  
D memukul-mukul